

Headline	Gangguan bekalan air di Perlis 21 Februari ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	16	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	108 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,429
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,287



Gangguan bekalan air di Perlis 21 Februari ini

KANGAR - Kawasan Perlis utara dari Padang Besar hingga Kuala Perlis akan menghadapi gangguan bekalan air berikutan kerja-kerja penyelenggaraan pencawang loji air Timah Tasoh oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 21 Februari ini.

Menurut kenyataan Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP), gangguan itu termasuk tekanan rendah yang akan menjejaskan beberapa kawasan bermula pukul 8 pagi hingga 12 malam.

Kawasan yang terlibat ialah seluruh Padang Besar termasuk Kem AKSEM Felda Rimba Mas, Tapak Industri Padang Besar dan

Kampung Kolam, Taman Kastam, Taman Kim, Kampung Tersusun, Kampung Kok Mak dan Felda Mata Air.

Menurut kenyataan itu lagi, kawasan lain yang terjejas adalah sepanjang jalan dari Padang Besar hingga Batu 17, Jalan Kaki Bukit, Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Guar Cenderai dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), seluruh kawasan Beseri, Abi, Bintong, Kangar dan Kuala Perlis.

Pengguna diminta menyimpan air secukupnya untuk kegunaan mereka sehingga bekalan pulih sepenuhnya pada 22 Februari.